



“KETULENAN AQIDAH ASAS KESEJAHTERAAN UMAT”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ...وَأَعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا
صل

...

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Wahai hamba Allah, bertaqwalah kepada Allah SWT. dengan sebenar-
benar taqwa dan janganlah kamu mati melainkan sebagai orang Islam.
Semoga kita semua memperolehi keredaanNya.



Pada penghulu segala hari ini, marilah kita menghayati khutbah yang bertajuk: "**Ketulenan Aqidah Asas Kesejahteraan Umat**"

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Sekalian,

Aqidah adalah dasar yang paling utama dalam kehidupan umat Islam. Apabila baiknya akidah umat, maka baiklah ibadah, pegangan syariat dan akhlaknya. Jika batal akidah dan terpesongnya akidah umat, maka ia akan menggugat kesejahteraan umat. Maka boleh berlaku fahaman yang songsang lagi sesat, pegangan yang rapuh terhadap syariat Islam, selain membentuk akhlak menjadi rosak.

Allah SWT. mengutuskan para Rasul AS untuk menyeru kaum mereka supaya beriman kepada Allah SWT dan meninggalkan segala bentuk kesesatan seperti yang berupa penyembahan berhala, perbuatan syirik dan segala bentuk pengaruh taghut.

Firman Allah S.W.T. dalam surah al-A'raf ayat 59 :

... قَالَ يٰقَوْمِ اعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِنْ اِلٰهِ غَيْرِهٖ ...
ص

..."Wahai kaum!. Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tiada Tuhan bagi kamu selain daripadanya...

Inilah juga tugas yang dilakukan oleh Rasulullah SAW sama ada di Mekah mahupun di Madinah sekalipun Rasulullah SAW dituduh dengan pelbagai tuduhan. Baginda dituduh sebagai tukang sihir, tukang tilik dan tubuh badan Baginda SAW disakiti. Namun, semua ini tidak menghalang



Baginda SAW untuk terus mengajak manusia mengesakan Allah SWT dan membentuk akidah yang benar berlandaskan Al-Qur'an dan As-Sunnah. Akidah yang benarlah satu-satunya jalan untuk melahirkan insan dan umat yang berjaya dan sejahtera di dunia dan akhirat.

Hadis daripada Yazid Bin Ziyad bahawa Rasulullah S.A.W. bersabda yang bermaksud:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قُولُوا لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ تَفْلِحُوا

"Wahai sekalian manusia, berimanlah dan katakanlah sesungguhnya tidak ada Tuhan melainkan Allah, dengan ini nescaya kamu berjaya."

(Riwayat Imam Ahmad)

Hasil daripada penerapan akidah yang tulen, Rasulullah SAW telah berjaya mengubah masyarakat jahiliyyah yang dulunya tidak dikenali dunia, kepada umat yang disegani atas dasar kekuatan akidah Islam mereka.

Maka apakah ciri akidah yang tulen yang disampaikan oleh Rasulullah SAW?

Antara ciri-ciri akidah yang tulen yang diterapkan oleh Rasulullah SAW untuk dipegang kukuh oleh seorang Muslim ialah:

Pertama: Aqidah yang benar adalah mengajak manusia mengesakan Allah SWT dan menjauhi perbuatan syirik.

Kefahaman aqidah yang benar inilah dapat memandu Rub'iy Bin Amir untuk menjawab dengan baik pertanyaan panglima tentera Farsi



(Rustum) ketika mana menerima kedatangan tentera Islam ke wilayahnya bahawa dengan bermaksud:

"Allah mengutuskan kepada kami untuk mengajak sesiapa yang mahu di kalangan kamu daripada mengabdikan diri daripada sesama makhluk kepada mengabdikan diri hanya kepada Allah SWT., daripada agama yang zalim kepada keadilan Islam dan daripada dunia yang sempit kepada dunia yang lapang."

Di atas kekuatan akidah inilah letaknya rahsia kejayaan dan kemenangan tentera Islam dalam menyampaikan risalah agama mereka ke serata dunia.

Kedua: Akidah yang sebenar adalah bersumberkan Al-Qur'an dan As-Sunnah

Hadis daripada Malik RA. bahawa Rasulullah SAW. bersabda:

تَرَكْتُ فِيكُمْ أَمْرَيْنِ لَنْ تَضِلُّوا مَا تَمَسَّكْتُمْ
بِهِمَا : كِتَابَ اللَّهِ ، وَسُنَّةَ نَبِيِّهِ

"Aku tinggalkan kepadamu (umat Islam) dua pusaka abadi, apabila kamu berpegang kepadanya nescaya kamu tidak akan sesat ,yaitu Kitab Allah (Al- Quran) dan Sunnah Nabi-Nya."

(Riwayat Imam Malik)

Aqidah yang sebenar hendaklah berasaskan kepada sumber Al-Qur'an dan As-Sunnah dan bukannya bersumber ahli kitab yang disebut sebagai Israiliyat atau orientalis barat.



Ketiga: Aqidah yang benar mengiktiraf bahawa Para Sahabat Rasulullah SAW. adalah golongan yang diredai oleh Allah SWT.

Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Mujadalah ayat 22 :

... رَضِيََ اللهُ عَنْهُمْ وَرَضُوا عَنْهُ ...

"Allah redha akan mereka dan mereka redha (serta bersyukur) akan nikmat pemberianNya".

Ini membawa maksud berpegang bahawa Sahabat yang paling baik ialah Saidina Abu Bakar RA, diikuti khulafa al-Rasyidin dan diikuti Sahabat-Sahabat yang dijamin masuk syurga, mencintai mereka dan berpegang bahawa generasi Sahabat, tabiin dan tabi' tabiin merupakan generasi yang paling baik sepertimana yang diberitahu oleh Rasulullah SAW dalam hadith yang sahih.

Hadis daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

لَا تَسُبُّوا أَصْحَابِي لَوْ أَنَّ أَحَدَكُمْ
أَنْفَقَ مِثْلَ أُحُدٍ ذَهَبًا مَا أَدْرَكَ مُدَّ أَحَدِهِمْ وَ
لَا نَصِيفَهُ



"Janganlah kamu sekali-kali mencela Sahabat-Sahabatku, maka demi zat yang jiwaku di tangan-Nya, kalau seandainya salah seorang di antara kalian menginfaqkan emas sebesar gunung Uhud, niscaya tidak akan mencapai segenggam kebaikan salah seorang di antara mereka, tidak juga setengahnya."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Keempat: Aqidah yang benar adalah mengiktiraf Para Ulama' sebagai pewaris Nabi dalam menyampaikan risalah Allah SWT.

Hadis daripada Abu Darda' RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

الْعُلَمَاءُ وَرَثَةُ الْأَنْبِيَاءِ

"Ulama' adalah pewaris para Nabi"

(Riwayat Ibnu Hibban)

Sidang Jumaat yang berbahagia,

Sejarah menunjukkan bahawa sepanjang zaman, para pejuang akidah yang tulen akan berdepan dengan pelbagai bentuk cabaran daripada golongan yang berpegang dengan pegangan akidah yang songsang. Nabi Ibrahim AS dengan penuh kesabaran berhadapan dengan bapanya, kaumnya dan rajanya yang menyembah berhala. Nabi Musa AS pula terpaksa berdepan dengan Firaun yang mengaku dirinya sebagai tuhan.

Firman Allah S.W.T. dalam surah al-Nazi'at, ayat 24:

فَقَالَ أَنَا رَبُّكُمُ الْأَعْلَى



"Maka Firaun berkata: "Akulah Tuhan kamu yang tertinggi" .

Selepas zaman Khulafa' al-Rasyidin, umat Islam berdepan dengan fahaman-fahaman akidah songsang yang jelas bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar. Ini termasuk seperti fahaman Syiah, Muktazilah, Jabbariyyah dan Qadariyyah. Keadaan ini berterusan sehingga dewasa ini, kita berhadapan dengan golongan yang berpegang dengan pegangan akidah yang batil dan bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah wa al-Jamaah. Kita berdepan dengan akidah dan fahaman sesat lagi mengelirukan seperti fahaman liberalisma, pluralisma, sekularisme, hedonism, rasionalisma, golongan anti-hadith serta ajaran sesat yang melibatkan golongan yang menolak para sahabat dan merendah-rendahkan Ulama'.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Pengajaran daripada khutbah hari ini adalah:

1. Umat Islam hendaklah istiqamah dengan aqidah yang betul dan bersumberkan al-Quran dan Hadis.
2. Umat Islam diingatkan supaya jangan merendah-rendahkan para sahabat Nabi dan para ulama'.
3. Umat Islam hendaklah berhati-hati dan jangan terperangkap dengan dakyah-dakyah yang bertentangan dengan Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



وَمَنْ يَبْتَغِ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَلَنْ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي
الْآخِرَةِ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٨٥﴾

"Dan sesiapa Yang mencari agama selain agama Islam, maka tidak akan diterima daripadanya, dan ia pada hari akhirat kelak tergolong dikalangan orang-orang yang rugi".

(Surah Ali-Imran : 85)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.



أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ
يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ
وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ
لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ



الأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا
نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ
بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ
بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصِّمْدَانِيَّةِ ،
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ
شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ
سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ .
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيِّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو أَمِيرِ
شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ
الْحَاجِ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا



ذَٰلِجَلَالِ وَإِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ
لِلْمُوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقاصِدَهُمَا
لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ اَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ اَعْيُنٍ
وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِيْنَ اِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْاٰخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللّٰهِ، اِنَّ اللّٰهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْاِحْسَانِ وَاِيتَايْ ذِي
الْقُرْبٰى وَيَنْهٰى عَنِ الْفَحْشَآءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُوْنَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوْا اللّٰهَ الْعَظِيْمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوْهُ عَلٰى
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاَسْأَلُوْهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللّٰهِ اَكْبَرُ وَاللّٰهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُوْنَ.